

11/07/2004

Mukhriz tanding ahli jawatankuasa bahagian

ALOR STAR: Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir yang gagal dalam pertandingan Ketua Pemuda bahagian Kubang Pasu kelmarin akan bertanding jawatan Ahli Jawatankuasa bahagian itu, Sabtu ini.

Katanya beliau menerima surat tawaran pemilihan ke jawatan itu semalam dan mengambil keputusan menerima pencalonan berkenaan.

"Saya menerima pencalonan itu kerana ia juga adalah laluan untuk memberi khidmat lebih berkesan kepada bahagian Kubang Pasu," katanya ketika dihubungi semalam.

Calon ahli jawatankuasa bahagian memerlukan minimum dua pencalonan cawangan untuk layak bertanding.

Pada pemilihan Pemuda Umno bahagian Kubang Pasu kelmarin, Mukhriz yang mendapat 132 undi tewas kepada pencabarnya, Zulkifli @ Md Ros Ahmad yang memperolehi 141 undi bagi jawatan Ketua Pemuda bahagian itu.

Sebanyak lapan undi rosak dalam pengundian membabitkan 281 perwakilan.

Selain jawatan berkenaan, Mukhriz juga menawarkan diri untuk bertanding Exco Pemuda Umno Pusat September ini.

Pemuda bahagian Kubang Pasu turut mencalonkan Mukhriz untuk jawatan Naib Ketua Pemuda Pusat.

Ini adalah kali pertama Mukhriz menawarkan diri bertanding jawatan utama parti.

Mengenai kekalahannya merebut jawatan Ketua Pemuda bahagian, Mukhriz berkata, beliau menerimanya dengan terbuka dan ia tidak membantutkan hasratnya untuk memberi khidmat kepada ahli di Bahagian Kubang Pasu.

Katanya beliau perlu melakukan sesuatu di Kubang Pasu sebagai membalas jasa ahli Umno di situ yang menyokong kuat bapanya, Tun Dr Mahathir Mohamad, sebagai Perdana Menteri, Ahli Parlimen dan Ketua Bahagian berkenaan sebelum ini.

"Bapa saya berkhidmat di sini dan mendapat sokongan padu selama lebih 30 tahun. Seorang daripada keluarga saya perlu terus memberikan khidmat kepada ahli di bahagian Kubang Pasu dan saya akan melakukan tugas itu kalau ahli di Kubang Pasu sudi menerima saya," katanya.

Mukhriz berkata, sejak awal beliau sedar kalah dan menang adalah biasa dalam politik dan akan mengambil iktibar daripadanya.

(END)